

Bomba kecewa pusat tahfiz enggan tubuh skuad bomba



PUSAT Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Datuk Keramat, Kuala Lumpur antara pusat tahfiz yang terlibat kebakaran sehingga meragut nyawa.
- Gambar hiasan

SHAH ALAM - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor kecewa dengan sikap kebanyakan pengurusan pusat tahfiz di negeri ini yang masih enggan menubuhkan skuad bomba tahfiz.

Pengarahnya, Azmi Osman berkata, berdasarkan rekod jabatannya, daripada 285 pusat tahfiz yang telah diperiksa dan diberi penerangan, hanya 45 pusat tahfiz telah mengambil inisiatif menubuhkan skuad berkenaan.

Menurutnya, mengikut perkiraan pihaknya, setiap pusat tahfiz di Selangor telah dilawati sebanyak dua atau tiga kali oleh

anggotanya bagi tujuan pemeriksaan keselamatan dan pemeriksaan susulan.



AZMI

“Seperti contoh, di Shah Alam ada 43 pusat tahfiz dan hanya sebuah pusat tahfiz mempunyai skuad bomba tahfiz. Di Hulu Selangor ada 51 pusat tahfiz tetapi sebuah sahaja yang tubuhkan skuad ini manakala di selatan Selangor, ada 36 pusat tahfiz tetapi tiada satu pun ambil berat cadangan ini.

“Penubuhan skuad ini tidak memerlukan sebarang perbelanjaan. Pihak kami akan ke sana dan melatih pelajar bagaimana menggunakan alat pemadam api dan

langkah keselamatan yang lain,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan JBPM Selangor di sini semalam.

Azmi memberitahu, latihan ini adalah sebagai langkah awal yang boleh diambil pelajar pusat tahfiz jika berlaku kebakaran.

Penubuhan Skuad Bomba Tahfiz digalakkan susulan beberapa kejadian kebakaran melibatkan sekolah agama persendirian dan maahad tahfiz di seluruh negara.

Ini termasuk kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Datuk Keramat, Kuala Lumpur yang mengorbankan nyawa 21 pelajar dan dua guru pada 14 September 2017.
- Bernama